

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN YANG MESTI DIPATUHI OLEH SEMUA PENENDER YANG INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN BAGI SEBARANG TAWARAN DI JABATAN PERHUTANAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:-

1. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat Bawah, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat / penender;
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di:

Jabatan Perhutanan
Tingkat 2, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Hari Isnin - Khamis
8.30 pagi - 11.00 pagi

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa 23 September 2025, 2.00 petang

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah;
6. Tawaran ini adalah dikhususkan untuk Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen tertentu di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sahaja;

7. Semua penender **mesti menghadiri Sesi Taklimat serta Lawatan ke Tapak Projek** yang akan diadakan pada:

(i) Tawaran: JPH/1207-005/TAW/403/2025-2026 PEMBELIAN ANAK POKOK BAGI PROJEK-PROJEK PENANAMAN MENGAYA RKN-12

Pada: 20 September 2025 (Sabtu)

Jam: 10.00 pagi

Tempat: Bilik Mesyuarat Rimbawan, Jabatan Perhutanan

8. Penender hendaklah membaca, memahami dan meneliti kesemua kandungan di dalam Borang Dokumen Tawaran dan Spesifikasi Teknikal serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan **LENGKAP** dan **TERATUR**;
9. Penender mestilah menyertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN** seperti **Lesen Perniagaan bilangan 16 & 17, Business License** bagi Syarikat Berhad & Sendirian Berhad, Lesen-Lesen yang berkaitan seperti yang dipersyaratkan dalam tawaran ini, Sijil Pendaftaran Syarikat di Jabatan Perhutanan, Sijil-Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan, resit pembayaran dokumen, senarai pemilik, kad pengenalan pemilik Syarikat bagi Rakyat Brunei dan / atau passport bagi warganegara asing, pengetahuan / pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan;

BORANG PENDAFTARAN SYARIKAT(jika belum berdaftar): \$10.00

BORANG TAWARAN: \$15.00

YURAN TAWARAN: \$30.00

-TIDAK DIKEMBALIKAN-

10. Tarikh **terakhir** untuk membeli dokumen tawaran adalah pada **20 September 2025 (Sabtu), 09.00 pagi**.